

BAB II

2.1 Pengenalan

Sepanjang zaman umat Islam telah melahirkan ramai tokoh-tokoh Islam yang memperjuangkan dakwah dan gerakan Islam dari masa ke semasa semenjak zaman Rasulullah SAW sehinggalah menjelang abad ke 21. Dalam perjalanan sejarah Negara dapat dilihat dengan jelas suatu anugerah Allah yang amat terserlah di bumi Melayu iaitu kehadiran gerakan Islam melalui kegiatan para alim ulama yang berjiwa besar dan penuh keikhlasan.⁵² Mereka adalah penerus peranan *risālah nubuwwah* sepanjang zaman.⁵³ Ini bertepatan sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW dalam hadisnya⁵⁴

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ هُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَإِنَّمَا
وَرَّثُوا الْعِلْمَ ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطَّةٍ وَافِرٍ

Terjemahannya: Para ulama adalah pewaris nabi-nabi. Mereka menerima pusaka daripada nabi dalam bentuk ilmu pengetahuan bukan dirham ataupun dinar. Sesiapa yang memperolehi ilmu pengetahuan sesungguhnya ia telah mendapat ganjaran yang banyak.

⁵² Ab. Manaf Ahmad, *Tokoh-Tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2005), 1.

⁵³ Mohd Rumaizuddin Ghazali, *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh* (Selangor: PTS Islamika, 2009), vii.

⁵⁴ 'Allāmah Abī al-Ṭālib Muhammad Shams al-Haqq al-'Azīm Abādī, (t.t), *'Awnu al-Ma'būd Shrh Sunan Abī Da'ud* (Dār al-Fikr Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī', t.t.p, t.t), 72-74.

Hasil usaha para ulama tersebut melahirkan suatu tradisi perkembangan dan pembinaan ilmu.⁵⁵ Sejarah membuktikan bahawa para ilmuan Islam telah memberikan sumbangan dan komitmen yang terlalu besar di dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam.⁵⁶ Golongan ulama ini bukan sekadar insan yang berbakti kepada agama semata-mata tetapi mereka juga pejuang bangsa dan negara. Mereka pernah melakar serta membentuk sejarah negara di rantau ini. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke 13 perkembangan pemikiran, penulisan dan ilmu jelas kelihatan dalam kehidupan bangsa Melayu. Proses perkembangan ini terus berkembang kepada fugsi ulama yang tidak pernah jemu bekerja mengubah pemikiran dan sikap umat Melayu berteraskan Islam.⁵⁷

Sememangnya para mujaddid telah tampil di dalam masyarakat seperti yang disebutkan oleh Rasulullah SAW bagi memperbaharui dan membangunkan semula masyarakat Islam yang mengalami kerosakan atau pencemaran pada zaman mereka. Begitu juga, para *muṣliḥ* (tokoh islah) telah muncul dipentas dunia bagi menjalankan tugas yang sama meskipun peranan seorang mujaddid adalah lebih berat daripada seorang *muṣliḥ*.⁵⁸ Pada abad ke-20 roh perjuangan dan idealisme tokoh mujaddid dunia seperti Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897 M), Syeikh Muhammad ‘Abduh (1849-1905 M) dan Syed Muhammad Rashid Ridhā (1865-1935 M) dalam menggerakkan ummah yang kehilangan kebebasan untuk tegak berdiri membela maruah telah melahirkan tokoh-tokoh tempatan yang disegani kawan dan lawan misalnya ‘Abd al-Qadir al-Maghribi di Syria (1867-1956 M), Mahmud Shaltut (1893-1963 M) di Mesir,

⁵⁵ Ab.Manaf Ahmad, “*Tokoh-Tokoh Agama*,” 1.

⁵⁶ Rushdi bin Ramli, “Pemantapan dan Pengukuhan Pengajian Fiqh Shafi’i di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Penilaian: Pemerhatian Tulus dan Pengalaman,” *Jurnal Fiqh*, no. 4, (2007), 173.

⁵⁷ Ab. Manaf Ahmad, “*Tokoh-tokoh Agama*,” ix.

⁵⁸ Fadhullah Jamil, “*Pengaruh Pemikiran*,” 32.

dan juga di Malaysia Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956 M). Mereka telah mencurahkan bakti untuk Islam mengasuh generasi penerus perjuangan, berjuang membina tapak yang kukuh ke arah pembangunan semula tamadun Islam moden yang disegani dan maju.⁵⁹ Dalam konteks Semenanjung Tanah Melayu kita tidak boleh mengabaikan sama sekali sumbangan ilmu dan fikrah yang telah disumbangkan oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin.⁶⁰

Syeikh Tahir antara ulama yang terkenal membawa arus perubahan di Tanah Melayu.⁶¹ Beliau adalah seorang tokoh yang membawa paradigma Islam terhadap perkembangan ilmu, intelektual, keperibadian serta ketokohnya sebagai seorang ulama dan nasionalis Melayu yang ulung.⁶² Ketokohan dan keilmuan Syeikh Tahir di Tanah Melayu bukanlah suatu perkara yang asing. Beliau cuba menanamkan semangat yang membawa kepada kemajuan ummat Islam sama ada di dunia dan di akhirat. Diawal kajian bab dua penulis akan mengkaji biografi, sejarah latar belakang, keperibadian serta membuat sedikit kesimpulan mengenai tokoh ilmunan ini.

2.2 Nama dan Kelahiran

⁵⁹ Eficandara Masril, Prof. Dr. H. Mahmud Yunus: Tokoh Mujaddid dari Minangkabau, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv, Ulama Pemacu Transformasi Negara, (Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 134.

⁶⁰ Awang Sariyan, Sumbangsih Kumpulan Esei Mengenang Jasa Asraf, dalam *Sumbangan Syeikh Tahir Jalaludin (r.h.) terhadap Perkembangan Persuratan Islam* ed. Muhammad Bukhari Lubis (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 189.

⁶¹ Mohd Sarim Mustajab, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 10.

⁶² Ismail Ibrahim et al., Syekh Tahir Jalaluddin, dalam *Ulama Silam dalam Kenangan* ed. Ismail Mat (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 20.

Muhammad Tahir bin Syeikh Muhammad lebih dikenali dengan panggilan Syeikh Tahir Jalaluddin⁶³ atau Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869 H - 1956 M). Penguasaannya yang luar biasa dalam bidang ilmu falak menyebabkan beliau dikenali dengan nama al-Falaki.⁶⁴ Beliau dilahirkan pada hari Selasa 9 Disember 1869 M di Kota Tua Empat Angkat sebuah Daerah di Bukit Tinggi Sumatera Barat⁶⁵ lahir dari keturunan Melayu



Gambar : Allahyarham Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari

Minangkabau.⁶⁶ Beliau juga digelar Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari kerana dikaitkan dengan institusi pendidikan dimana beliau menuntut ilmu.⁶⁷ Putera kepada Gandun Urai dan ayahnya adalah Tuanku Muhammad⁶⁸ terkenal dengan panggilan Syaikh Cangking⁶⁹

⁶³ Nik Mohd Rosdi, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam *Ilmuan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun* (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd, 2011), 91.

⁶⁴ Abu Bakar Hamzah, *al-Imam Its Role in Malay Society 1906-1908* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991), 119; lihat Ismail Ibrahim et al., "Syekh Tahir Jalaluddin," 22.

⁶⁵ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, No Ruj: 2006/0036682, t.th, 1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; lihat Hafiz Zakariya, "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin," *Intellectual Discourse*, vol. 13, no 1, (2005), 49.

⁶⁶ Ismail Ibrahim et al., "Syekh Tahir Jalaluddin," 20.

⁶⁷ Mohd Sarim Mustajab, Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996), 119.

⁶⁸ Hamka, *Ayahku* (Selangor, Pustaka Dini, 2007), 186.

⁶⁹ Deliar Noer, *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942* (Jakarta: Penerbit LP3ES, 1973), 41.

seorang ulama yang terkenal dengan panggilan *faqih ṣaghīr*.⁷⁰ Datuknya berketurunan bangsawan Minangkabau bernama Tuanku Ahmad Jalaluddin.⁷¹

Syeikh Tahir mempunyai empat orang saudara iaitu Aishah, Maryam, Muhammad Amin dan Halimah.⁷² Semasa berusia dua tahun ayahnya telah meninggal dunia. Beliau tinggal bersama ibunya sehingga ibunya meninggal dunia semasa berumur lapan tahun.⁷³ Sewaktu kanak-kanak lagi Syeikh Tahir telah menjadi yatim piatu dan beliau dibesarkan oleh saudara mara ibunya sehingga berumur dua belas tahun.⁷⁴ Menurut salasilah keturunannya Syeikh Tahir berasal daripada keturunan para ulama dan pahlawan Islam di Minangkabau.⁷⁵ Beliau adalah antara cendekiawan Islam yang berperanan besar dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam bagi menerima pembaharuan di Tanah Melayu.⁷⁶

2.2.1 KEPERIBADIAN DAN AKHLAK

Ketokohnya sebagai ulama dan pemikir Islam terkemuka dapat dilihat melalui keperibadian dan akhlak yang mulia. Kriteria inilah yang dinilai bagi melayakkan ia

⁷⁰ Faqih ṣaghīr membawa pengertian ulama fekah yang kecil.

⁷¹ Sheikh_Muhammad_Tahir_Jalaluddin, laman sesawang Wikipedia dicapai pada 12 februari 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Sheikh_Muhammad_Tahir_Jalaluddin.

⁷² Bachtiar Djamily, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari* (Kuala Lumpur: Asmah Publisher, 1994), 13.

⁷³ Mukhtar Ramli, *Iventori Surat-Surat Persendirian Syeikh Tahir Jalaluddin* (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1980), vii.

⁷⁴ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestamam (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975), 75-76.

⁷⁵ Fadhlullah Jamil, Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin, dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2003), 34.

⁷⁶ Nik Mohd Rosdi, "Syeikh Muhammad Tahir," 91.

bergelar sebagai ulama dan pemikir menurut pandangan Islam. Syeikh Tahir seorang yang berpandangan jauh⁷⁷ berdisiplin dan sangat kuat menitik beratkan hal-hal agama, budi bahasa dan beradab. Hubungan beliau dengan jiran tetangga sangat erat tanpa memikirkan perbezaan agama dan bangsa.⁷⁸ Beliau seorang yang berpendirian tegas terutama dalam hal keagamaan, ketegasan ini kerana beliau mahukan perubahan kepada masyarakat sesuai dengan sifat reformis yang beliau miliki. Ketegasan mengikut Syeikh Tahir adalah wajar kerana reformasi yang dianjurkannya bukan bertujuan untuk mengubah agama kepada sesuatu yang baru tetapi memperbetulkan ajaran Islam yang telah banyak disalah tafsirkan supaya para penganutnya kembali kepada ajaran sebenar seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.⁷⁹ Beliau juga begitu mengambil berat terhadap akhlak remaja, antara pesanan Syeikh Tahir kepada remaja supaya menjaga akhlak agar batas-batas kehidupan sebagai remaja Islam dapat dipelihara.⁸⁰ Menurut Syeikh Tahir seperti dipetik di dalam tulisan Tajudin Saman :

Remaja adalah zaman penuh cabaran maksiat. Oleh itu, setiap anak muda mesti menjaga diri agar budi kehidupan sentiasa terpelihara⁸¹

Dalam menyampaikan dakwah Syeikh Tahir menggunakan pendekatan yang berlemah lembut yang diterjemahkan melalui sikap dan perbuatan beliau yang dapat dilihat dan diikuti oleh masyarakat umum. Perwatakannya yang ceria dan sentiasa

⁷⁷ Hamka, "Ayahku," 186.

⁷⁸ Bachtiar Djamily, "Riwayat Hidup," 14.

⁷⁹ Ismail Ibrahim, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 24.

⁸⁰ Nik Mohd Rosdi, "Syeikh Muhammad Tahir," 93.

⁸¹ Tajuddin Saman, *Tokoh Ulama Nusantara* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1993), 162.

tersenyum adalah bayangan sifat penyayang yang ada pada diri Syeikh Tahir dan beliau juga bersikap terbuka dan bertolak ansur dengan semua orang.⁸²

2.2.2 PERKAHWINAN

Menurut Ustaz Wan Mohd Shaghir Abdullah Syeikh Tahir berkahwin beberapa kali, dalam catatan beliau sendiri dinyatakan bahawa Syeikh Tahir berkahwin di Makkah pada hari Sabtu 26 Zulkaedah 1305 H / 4 Ogos 1888 M dengan Aisyah binti Syeikh Muhammad bin Syeikh Ismail al-Khālīdī. Diadakan oleh Sayid Bakrī Shātha yang menerima wakil daripada Syeikh Ismail bin Syeikh Muhammad dihadapan Sayid ‘Umar Shātha, Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Ismail, Syeikh Muhammad Saleh al-Kurdī, Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau dan Syeikh Ismail bin Syeikh Muhammad.⁸³

Perkahwinan yang pertama ini adalah dengan cucu Syeikh Ismail al-Khālīdī al-Minangkabawi ulama besar yang terkenal dan penyebar tarekat Naqsyabandiyah Khālīdīyah.⁸⁴ Kemudian Syeikh Tahir berkahwin kali kedua dengan Kalthum binti Haji Ibrahim pada malam Jumaat 9 Rejab 1310 H / 29 Januari 1893 M. Manakala perkahwinan selanjutnya yang ketiga adalah pada malam Jumaat 13 Ramadan 1310 H / 31 Mac 1893 M dengan Jamilah binti Haji Abdul Karim.⁸⁵ Perkahwinan keempatnya

⁸² *Ibid.*

⁸³ Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara Jilid 1* (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah, 2004), 70.

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Bachtiar Djamily, “*Riwayat Hidup*,” 144.

berlangsung ketika beliau tinggal di Kuala Kangsar⁸⁶ iaitu pada malam Khamis 20 Jamadilawal 1317 H / 28 September 1899 M berkahwin dengan Aishah binti Haji Mustafa bin Datuk Menteri Sati Rawa yang dihadiri oleh Syeikh Muhammad al-Khaiyath, Haji Hashim Kelantan dan lain-lain.⁸⁷ Hasil daripada perkongsian hidup dengan Aishah beliau telah dikurniakan enam orang anak iaitu Mohammad, Ahmad, Rahmah, Azizah, Hamid dan Tun Hamdan.⁸⁸ Tun Hamdan merupakan anak Syeikh Tahir yang terkenal dan berjaya di dalam hidup. Dilahirkan pada 21 April di Kampung Jawa Baru, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Haji Muhammad Taib Muar dan Sekolah Melayu di Kuala Kangsar. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru di beberapa buah sekolah. Pada tahun 1989 beliau dilantik menjadi Yang dipertua Negeri Pulau Pinang dan pada 7 Jun 1989 beliau dianugerahkan bintang kebesaran Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N) yang membawa gelaran Tun bersempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.⁸⁹

Bagi perkahwinan Syeikh Tahir yang kelima apabila beliau berpeluang mengunjungi Minangkabau pada tahun 1923 M⁹⁰ beliau berkahwin dengan isteri kelima. Namun tidak ada catatan yang menyatakan nama, keturunan dan dengan siapa Syeikh Tahir berkahwin ketika itu. Hal ini dilihat daripada keterbatasan catatan dan tulisan yang

⁸⁶ Wan Mohd Shagir Abdullah, *Syeikh Tahir Jalaluddin Ahli Falak Dunia Melayu*, Utusan Malaysia, Bicara Agama, 7 Jun 2004.

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ Anon, *Pendidik Istimewa: Tun Hamdan bin Syeikh Tahir* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 5.

⁸⁹ *Ibid.*, 82-3.

⁹⁰ Mukhtar Ramli, "Inventori Surat-Surat," Vii.

terdapat di dalam buku dan sebagainya. Hanya terdapat kenyataan yang menyebut secara umum beliau berkahwin buat kali kelima.

2.2.3 PENDIDIKAN

Ketika Syeikh Tahir berusia 6 tahun beliau telah dihantar oleh penjaganya ke Sekolah di kampungnya untuk mempelajari al-Qur'ān.⁹¹ Beliau tidak bersekolah di Minangkabau atau di Tanah Melayu sebaliknya pergi menuntut ilmu ke Makkah.⁹² Di Makkah beliau dipelihara oleh Syeikh Muhammad Şaleh al-Kurdī dan mengaji al-Qur'ān dengan Syeikh 'Abd al-Haq di Madrasah al-Shaikh Rahmatullah serta belajar kitab dengan Syeikh 'Umar Shāthā, Syeikh Muhammad al-Khaiyath dan Syeikh Ahmad Khātib al-Minangkabawi.⁹³ Di Makkah beliau telah mendalami ilmu pengetahuan⁹⁴ serta mendapat bimbingan ulama besar dan berkesempatan mempelajari berbagai-bagai ilmu meliputi Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Nahu, Saraf, Mantiq, Fiqh, Bayan, Ma'ani, Handasah dan sebagainya⁹⁵ seterusnya dilantik menjadi guru sebelum kembali ke Riau pada tahun 1893.⁹⁶

⁹¹ lihat Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 34.

⁹² Ismail Ibrahim, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 20.

⁹³ Wan Mohd Shagir Abdullah, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 10.

⁹⁴ Sohaimi Abdul Aziz, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 2.

⁹⁵ Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 34.

⁹⁶ Sohaimi Abdul Aziz, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 2.

Syeikh Tahir juga menimba ilmu di Universiti al-Azhar pada akhir tahun 1310 H bersamaan tahun 1893 M.⁹⁷ Setelah tamat menuntut di al-Azhar pada bulan Zulkaedah tahun 1314 H bersamaan 1897 M beliau kembali ke Makkah dan mengajar di sana selama 2 tahun.⁹⁸ Di Makkah beliau mengajar Ilmu Falak serta menyebarkan fahaman pembaharuannya kepada beberapa orang tokoh-tokoh dari Nusantara. Beliau mempunyai ramai anak murid di Sumatera barat dan di Tanah Melayu.⁹⁹ Murid-murid yang sempat menuntut ilmu dengan beliau kemudiannya turut menjadi ulama¹⁰⁰ dan mewarisi idea-idea pembaharuan beliau yang boleh penulis nyatakan antaranya seperti Syeikh Jamil Jambek (1862-1947 M)¹⁰¹ seorang ulama Indonesia campuran Minang dan Betawi, dilahirkan di Bukittinggi Sumatera Barat. Banyak idea-idea pembaharuan Syeikh Tahir yang mempengaruhi karakter Syeikh Jamil Jambek.¹⁰² Syeikh Dr. Karim Amrullah (1879-1945 M) dilahirkan di Maninjau, Sumatera Tengah, Indonesia. Menurut Hamka Syeikh Tahir merupakan guru yang banyak mempengaruhi pemikiran islah dan perjuangan ayahnya dalam menentang dan menolak fahaman berunsurkan khurafat dan *bid'ah*.¹⁰³

Di antara ulama yang mewarisi ilmu falak beliau Haji Mohd. Khair bin Mohd. Taib (1922 – 1989 M). Berasal dari Kedah dan merupakan salah seorang murid Syeikh

⁹⁷ Bachtiar Djamily, "*Riwayat Hidup*," 14; Yulizal Yunus, Syeikh Thaher Jalaluddin dalam Mestika Zed (pnyt.) *Riwayat Hidup Ulama Sumatera Barat dan Perjuangannya*, (Padang: Islamic Centre Sumatera Barat, 2001) 100.

⁹⁸ Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, No Ruj: 2006/0036682, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, t.th, 1.

⁹⁹ Abdul Rashed Melebek, *Sejarah Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2006), 90.

¹⁰⁰ Mohammad Ilyas, "*Syeikh Tahir Jalaludin*," 67.

¹⁰¹ Mukhtar Ramli, "*Iventori Surat-Surat*," vii; lihat Sohaimi Abdul Aziz, "*Syeikh Tahir Jalaluddin*," 2; lihat Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, No Ruj: 2006/0036682, t.th Catitan Peribadi, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁰² Islamic Centre Sumatera Barat, *Riwayat Hidup dan Perjuangan 20 Ulama Besar Sumatera Barat*, (Sumatera Barat: Penerbitan Pertama, 1981), 56-59.

¹⁰³ Hamka, *Islam dan Adat Minangkabau* (Selangor: Pustaka Dini, 2006), 210.

Tahir yang terkenal di Tanah Melayu. Beliau mendapat pendidikan awal dalam ilmu falak ketika belajar di Madrasah al-Hamīdah (Limbang Kapal). Setelah tamat pengajian di al-Mashur, Pulau Pinang dengan minat yang mendalam terhadap ilmu falak beliau pergi ke Kuala Kangsar, Perak untuk berguru dengan Syeikh Tahir. Dalam pertemuan itulah Tuan Haji Mohd Khair melahirkan hasratnya untuk berguru dan menimba ilmu falak dari Syeikh Tahir. Syeikh Tahir dengan senang hati bersetuju menerima beliau sebagai muridnya. Beliau yakin bahawa Tuan Haji Mohd Khair akan menjadi satu-satu anak muridnya yang mewarisi kemahiran dalam ilmu falak.¹⁰⁴

Guru Syeikh Tahir yang utama ialah Syeikh Ahmad Khatib.¹⁰⁵ Beliau mempunyai pengaruh yang besar dalam mencorak karakter pemikiran beliau.¹⁰⁶ Syeikh Tahir banyak memperolehi ilmu pengetahuan melalui Syeikh Ahmad Khatib yang juga saudara sepupu beliau ketika bersama-sama menetap di Makkah. Syeikh Tahir berpeluang berdamping dan mempelajari ilmu-ilmu agama dengan Syeikh Khatib. Hal keadaan ini banyak mempengaruhi idealisma dan jiwa Syeikh Tahir terutama sekali berhubung dengan masalah dan amalan ajaran Islam dalam masyarakat Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia yang banyak bercampur aduk dengan adat resam Melayu asli.¹⁰⁷

¹⁰⁴ lihat Tokoh Falak, laman sesawang Jabatan Mufti Pulau Pinang dicapai pada 12 februari 2012, http://mufti.penang.gov.my/pusat_falak/sarjana%20falak

¹⁰⁵ Nama beliau ialah Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif bin Abdullah al-Minangkabawi. Dilahirkan di Minangkabau Sumatera Barat hari Isnin 6 Zulhijjah 1276 H / 26 Jun 1860 M dan wafat di Makkah pada 9 Jamadilawal 1334 H / 13 Mac 1916 M. Di Makkah beliau mendapat pendidikan agama yang mendalam daripada ulama Makkah terutama Sayid Bakrī Shāthā, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makkī dan lain-lain. Beliau adalah seorang ulama yang paling banyak berpolemik antaranya polemik beliau dengan golongan pemegang adat Minangkabau terutama tentang hukum pusaka, lihat Wan Mohd Shagir Abdullah, "Syeikh Ahmad Khatib," 10.

¹⁰⁶ lihat Islamic Centre Sumatera Barat, *Riwayat Hidup dan Perjuangan 20 Ulama Besar Sumatera Barat* (Sumatera Barat: Penerbitan Pertama, 1981), 15-19; lihat Hamka, "Ayahku," 230.

¹⁰⁷ Ismail Ibrahim, *Syekh Tahir Jalaluddin*, 23.

Di antara guru Syeikh Tahir juga adalah Syeikh Ahmad al-Faṭānī.¹⁰⁸ Beliau termasuk murid Syeikh Ahmad al-Faṭānī sewaktu belajar di Makkah.¹⁰⁹ Setelah Syeikh Ahmad al-Faṭānī pulang dari Mesir dan ke Makkah pada akhir tahun 1299 H / 1881 M atau awal 1300 H / 1882 M beliau telah mempengaruhi pemuda-pemuda Melayu dan murid-murid beliau di Makkah mengenai kelebihan sistem pendidikan di Masjid al-Azhar, Mesir. Maka pemuda Melayu peringkat pertama yang dihantar oleh Syeikh Ahmad al-Faṭānī belajar di Mesir antaranya termasuklah Syeikh Tahir.¹¹⁰ Syeikh Ahmad al-Faṭānī memberikan dua tugas kepada Syeikh Tahir pertamanya menyemak beberapa kitab Melayu/Jawi yang akan dicetak di Mesir. Kedua, mengetuai kerabat Diraja Riau yang belajar di Mesir sekaligus sebagai wakil Syeikh Ismail bin Abd al-Muṭālib al-Minangkabawi.¹¹¹ Sewaktu Syeikh Tahir berada di Mesir terdapat banyak surat timbal-balik antara kedua-duanya. Syeikh Ahmad al-Faṭānī memberikan kepercayaan kepadanya dalam menguruskan putera-putera Diraja Riau yang beliau kirim ke Mesir, termasuk anak Syeikh Ahmad al-Faṭānī yang bernama Haji Ismail, Muhammad Zain bin Ahmad Kelantan dan lain-lain. Dalam suratnya Syeikh Ahmad al-Faṭānī menyebut Syeikh Tahir dengan panggilan “*waladunā*” ertinya “anak kami” atau maksudnya

¹⁰⁸ Tokoh ilmunan ini bernama Ahmad bin Muhammad Zain. Dilahirkan pada 5 Syaaban tahun 1272 H bersamaan 10 April 1856 M di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu dan berhijrah meninggalkan Patani menuju ke Makkah bersama ibubapa beliau ketika berumur empat tahun. Beliau telah menunjukkan keperibadian yang agak berbeza dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengannya apabila mula menghafal pelbagai jenis matan seawal umur dua tahun lagi. Seterusnya beliau menuntut pula di Baitul Maqdis selama dua tahun sehingga menjadi orang Melayu pertama yang mendapat pendidikan khusus dalam bidang perubatan, lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Syeikh Ahmad al-Fathani: Pemikir Agung Melayu dan Islam Jilid 1*, (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2005a), 43-54.

¹⁰⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 3* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara, 2000), 105.

¹¹⁰ Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Syeikh Tahir Jalaluddin,” 10.

¹¹¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Wawasan Pemikiran,” 105.

“anaknda”. Sebaliknya Syeikh Tahir menyebut Syeikh Ahmad al-Faṭānī dengan panggilan “*walīdunā*” ertinya “ayah kami” atau bermaksud “ayahanda”.¹¹²

2.3 SUASANA ZAMAN SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN

Suasana yang wujud dalam persekitaran hidup sama ada dari sudut kemasyarakatan, suasana keilmuan dan politik memberikan peranan dan impak besar dalam membentuk keperibadian dan mencorakkan pemikiran dan paradigma keilmuan seseorang. Justeru itu, penulis cuba menghuraikan suasana dan keadaan yang menyelubungi zaman Syeikh Tahir supaya penelitian terhadap pemikiran dan paradigma keilmuannya dapat dinilai. Suasana tersebut secara ringkasnya ditumpukan kepada :

2.3.1 SUASANA MASYARAKAT

Islam telah bertapak di Minangkabau sejak pertengahan abad ke-14¹¹³ dan menjadi agama rasmi bagi masyarakat Minangkabau. Pengaruh ajaran Islam dan adat Minangkabau dilihat memainkan peranan utama di dalam pembentukan masyarakat Minangkabau pada ketika itu. Umumnya masyarakat Minangkabau menerima Islam dengan baik. Hal ini terjadi kerana mereka merasakan bahawa Islam adalah rahmat yang datang untuk menyempurnakan adat mereka dengan memberikan konsep teologi yang jelas dan sederhana.¹¹⁴ Islam merupakan unsur teras jati diri Minangkabau sekaligus

¹¹² Wan Mohd Shagir Abdullah, “*Syeikh Tahir*,” 10.

¹¹³ Hamka, “*Ayahku*,” 186.

¹¹⁴ M. Nasroen, *Dasar Falsafah Adat Minangkabau* (Jakarta: Pasaman, 1958), 31-33.

menunjukkan masyarakatnya begitu akrab dengan Islam. Malah mereka berpandangan bahawa kehadiran agama Islam dan kebudayaannya di daerah ini adalah untuk menyempurnakan adat dan kebudayaan agar lebih tersusun daripada sebelumnya.¹¹⁵

Suasana kemasyarakatan yang kondusif mengamalkan cara hidup beragama dan Islam sebagai agama yang dianuti oleh majoriti penduduk di Minangkabau menjadikan ajaran Islam diterima oleh masyarakat di sini kerana kesesuaian ajaran agama Islam itu sendiri terhadap adat masyarakat setempat, seperti konsep musyawarah, bertolak ansur dan mengutamakan akhlak.¹¹⁶ Adat dan budaya Minangkabau sentiasa memegang teguh nilai-nilai dalam kehidupan sehari-hari yang selari dengan falsafah hidup masyarakat Minangkabau yang terkenal¹¹⁷ *Adat Basandi Syarak*,¹¹⁸ *Syarak Basandi Kitabullah*.¹¹⁹ Oleh itu semua adat yang ada di Minangkabau mestilah berlandaskan Syariah Islam iaitu al-Qur'ān dan al-Sunnah.¹²⁰ Bagi masyarakat Minangkabau menjadi orang Minang bererti menjadi Muslim. Justeru itu, dari waktu ke waktu masyarakat Minang berusaha menyesuaikan adat dan tradisi kemasyarakatannya dengan ajaran Islam.¹²¹

¹¹⁵ Ediwar et al., Kesenian Bernuansa Islam Suku Melayu Minangkabau, *Jurnal Melayu*, no. 5, (2010), 230.

¹¹⁶ lihat Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Muda dan Kaum Tua di Minangkabau dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam" (Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002), 48.

¹¹⁷ Hamka, *Islam dan Adat Minangkabau* (Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd, 2006), 130.

¹¹⁸ Syarak bererti Agama Islam.

¹¹⁹ Kitabullah adalah al-Qur'ān dan al-Sunnah.

¹²⁰ Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Muda," 23.

¹²¹ Pramono, Teks dan Konteks Kepemimpinan Kaum Tua dalam Naskah-Naskah Tarekat Syattariyah di Minangkabau, *Jurnal Hunafa*, vol. 6, no. 1, (2009), 2.

Perkembangan Islam di Minangkabau mempunyai kaitan dengan perjalanan hidup dan perjuangan Syeikh Tahir.¹²² Beliau lahir dan berada di dalam suasana masyarakat yang *homogen*¹²³ tidak ada agama selain Islam yang berkembang di Minangkabau pada ketika itu maka perbahasan mengenai masalah-masalah agama dilihat sangat efektif dan relevan.¹²⁴ Ini dapat dilihat dengan kemunculan ulama-ulama besar di Minangkabau yang membawa pengaruh yang kuat terhadap perkembangan dan proses Islamisasi di Minangkabau. Pada awal abad ke-19 kembalinya tiga tokoh ulama muda dari Makkah iaitu Haji Miskin di Pandai Sikat, Haji Abd al-Rahman di Piabang dan Haji Muhammad Arif di Sumarik. Mereka kembali ke Minangkabau dengan membawa fahaman baru untuk menyemai dan membentuk Islam yang sejati.¹²⁵

Objektif utama gerakan ini antara lain membersihkan peribadatan dari adat yang berbau syirik dan *bid'ah*. Membenters semua amalan adat yang bertentangan dengan Islam dengan memastikan ibadat dilaksanakan dengan betul seperti solat, puasa, berkhatan dan mencegah perbuatan maksiat dan tidak bermoral seperti berjudi, minum arak, mengadu ayam, menghisap ganja dan makan sireh.¹²⁶ Gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh Kaum Muda juga memainkan peranan utama merencanakan perkembangan Islam dan suasana masyarakat di Minangkabau. Gerakan pembaharuan ini bermula pada tahun 1900 M dan dipelopori oleh murid-murid Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, guru, imam dan *khātib* mazhab Shafi'i di Masjid al-Haram

¹²² Bachtiar Djamily, "*Riwayat Hidup*," 74.

¹²³ Makna homogen keadaan di Minangkabau yang hanya memiliki satu suku iaitu suku minang, satu agama iaitu Islam, dan satu bahasa, bahasa Minangkabau berbeza dengan Aceh yang masih mempunyai bahasa dan kelompok lain yang satu sama lain berbeza.

¹²⁴ Saidul Amin, "*Perdebatan Kaum Muda*," 5.

¹²⁵ Hamka, "*Ayahku*," 186.

¹²⁶ M. M. Rajab, *Perang Paderi di Sumatera Barat* (Jakarta: Balai Pustaka, 1964), 9.

Makkah.¹²⁷ Objektif gerakan mereka juga lebih menyeluruh iaitu meningkatkan martabat ulama, memperbaiki pemahaman tentang ijtihad, membersihkan amalan-amalan tarekat yang bercampur dengan *bid'ah*, meningkatkan taraf sistem pendidikan Islam dan memperbaiki aspek-aspek adat yang bercanggah dengan ajaran Islam.¹²⁸ Strategi baru ulama ini sangat berkesan dan memberi impak besar bagi masyarakat dari aspek kemajuan pembelajaran, merubah cara berfikir dan cara hidup bermasyarakat.¹²⁹ Suasana kemasyarakatan ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda, paradigma keilmuan serta pemikiran intelektual Syeikh Tahir dalam usaha melakukan perubahan di Tanah Melayu dalam menyemai suatu falsafah tindakan kepada masyarakat.

2.3.2 SUASANA KEILMUAN

Syeikh Tahir Jalaluddin dilahirkan dalam suasana perkembangan ilmu yang pesat dan dinamik. Bahkan di antara faktor utama yang mendorong beliau meminati bidang ilmu kerana dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan dan keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama yang dihormati dan disegani oleh masyarakat.¹³⁰ Menurut salasilah keturunannya, beliau berasal daripada keturunan para alim-ulama dan pahlawan Islam di Minangkabau yang satu masa dahulu pernah berjuang menentang penyelewengan terhadap Islam dari segi adat dan penjajahan Belanda dalam Perang Padri.¹³¹ Bapanya sendiri adalah seorang ulama yang terkenal¹³² dan guru agama.

¹²⁷ A. A. Navis, *Alam Berkembang Jadi Guru* (Jakarta: Grafiti pers, 1984), 38-39.

¹²⁸ Hamka, *Islam dan Adat Minangkabau* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1985), 157.

¹²⁹ Hamka, *Adat Minangkabau Menghadapi Refolusi* (Jakarta: Firma Tekad, 1963), 40.

¹³⁰ Bachtiar Djamily, "Riwayat Hidup," 13.

¹³¹ Fadhullullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 34.

Manakala datuknya disebelah ibunya ialah Tuanku Nan Rantijak seorang ulama terkemuka di zaman gerakan Kaum Paderi atau dikenali juga sebagai gerakan Wahabi atau Perang Hitam Putih di Sumatera. Neneknya Siti Zainab ialah anak Tuanku Baginda Khatib pembantu Regent Agam di Tanjung Medan Sumatera. Apabila diperhatikan salasilah keturunan agama dari pihak ayah dan ibunya nyatalah di dalam tubuh Syeikh Tahir mengalir darah seorang pejuang agama.¹³³

Kesan menuntut ilmu dan pengaruh tinggal bersama sepupu beliau Syeikh Ahmad Khātib di Makkah juga memainkan peranan penting dalam menterjemahkan peranan Syeikh Tahir sebagai seorang ilmuan. Dalam masyarakat Minangkabau apabila dapat menghantar anak belajar ke Makkah merupakan satu kebanggaan. Adapun kepergian mereka untuk belajar dan menuntut ilmu ke Timur Tengah merupakan salah satu daripada budaya orang Minangkabau yang suka merantau dan menuntut ilmu ke tempat lain. Di samping itu, adanya sokongan daripada kefahaman dan pengamalan keagamaan yang agak kental dan tinggi serta keyakinan mereka sentiasa berpegang dengan nilai-nilai filosofi adat Minangkabau.¹³⁴ Biasanya orang yang kembali menuntut ilmu dari Makkah memiliki posisi dan darjat yang lebih tinggi ditengah masyarakat. Mereka akan dimuliakan dan dianggap alim serta menjadi contoh bagi masyarakat.¹³⁵ Semasa menuntut ilmu di Makkah Syeikh Tahir banyak terpengaruh dengan corak

¹³² Abu Bakar Hamzah, *al-Imam Its Role in Malay Society 1906-1908* (KualaLumpur: Pustaka Antara, 1991), 119.

¹³³ lihat Mohd Sarim Mustajab, "*Syeikh Tahir Jalaluddin*," 12.

¹³⁴ Eficandara Masril, Prof. Dr. H. Mahmud Yunus: Tokoh Mujaddid dari Minangkabau, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv, Ulama Pemacu Transformasi Negara (Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 138.

¹³⁵ Pramono, "Surau dan Tradisi Pernaskahan Islam di Minangkabau: Studi atas Dinamika Tradisi Pernaskahan di Surau-surau di Padang dan Padang Pariaman," *Jurnal Hunafa*, vol. 6, no. 3, (2009), 248.

pemikiran Syeikh Ahmad Khātib yang merupakan ulama yang terkenal di Makkah.¹³⁶

Pendekatan pemikiran Syeikh Ahmad Khātib banyak memberi kesedaran pembaharuan hukum Islam terhadap Syeikh Tahir tentang amalan ajaran Islam dalam masyarakat Melayu di Indonesia dan Tanah Melayu yang bercampur aduk dengan adat resam Melayu yang bercanggah dengan ajaran Islam.¹³⁷

Ketika menuntut ilmu di al-Azhar juga beliau telah menjalinkan persahabatan yang erat dengan Muhammad Rashid Redhā¹³⁸ iaitu anak murid Syeikh Muhammad Abduh.¹³⁹ Akibat perhubungan itulah maka idea-idea islah yang disiarkan oleh Muhammad Rashid Redhā melalui penerbitan *al-Manar* telah mempengaruhi pemikiran Syeikh Tahir sehingga beliau menyebarkan idea-idea tersebut melalui majalah *al-Imam*. Syeikh Tahir juga memperolehi idea-idea pembaharuan yang diperjuangkan oleh ketiga-tiga tokoh Reformis iaitu Syed Jamaludin al-Afghani¹⁴⁰ dan Syeikh Muhamad

¹³⁶ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 65.

¹³⁷ Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 35.

¹³⁸ Beliau ialah Sayyid Muhammad Rasyid bin al-Sayyid Ali Ridhā bin Sayyid Muhammad Syams al-Din bin Sayyid Muhammad Bahā al-Din bin Sayyid Munla Alī Khālifah al-Baghdadī. Dilahirkan pada 27 Jamadilawal tahun 1282 H bersamaan 23 September 1865 M di perkampungan al-Qalamūn yang tidak jauh dari Jabal Lubnan. Beliau mendapat pendidikan tidak formal daripada bapanya yang merupakan seorang ulama. Rasyid Redhā memulakan pengajian awal kuttab diperkampungan al-Qalamūn. Disinilah beliau belajar membaca al-Qur'ān dan menulis, mempelajari nahu, matematik dan menghafal al-Qur'ān, lihat Mustaffa Abdullah, "Biografi Sayyid Muhammad Rasyid Ridhā," *Jurnal al-Bayan*, vol. 2, (2004), 71-76.

¹³⁹ Nama beliau ialah Muhammad bin Abduh bin Hasan Khairullah. Bapanya Abduh bin Hasan Khairullah merupakan seorang petani dan mempunyai salasilah keturunan dengan bangsa Turki. Ibunya, Junaidah Uthman dikatakan mempunyai salasilah perhubungan dengan Saidina 'Umar bin al-Khattab r.a. Nama *Abduh* diambil daripada hadis Nabi Muhammad SAW iaitu *abduhu wa rasuluh*. Beliau dilahirkan pada 1265 H / 1849 M di Kampung Mahallat Naṣr, Mukim Sujubrahkit Mesir, lihat Deliar Noer, *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942* (Jakarta: Penerbit LP3ES, 1973), 72.

¹⁴⁰ Jamaluddin al-Afghani lahir di Afghanistan tahun 1839 M dan meninggal di Istanbul tahun 1879 M. Beliau merupakan salah seorang tokoh pembaharuan Islam yang melihat bahawa kemunduran umat Islam disebabkan kerana umat Islam telah meninggalkan ajaran Islam secara *kaffah*, dan beliau menyeru dan menganjurkan agar umat Islam agar kembali bersatu, lihat Harun Nasution, *Pembaharuan dalam Islam; Sejarah Pemikiran dan Pembaharuan* (Jakarta: Bulan Bintang, 1994), 51-60.

Abduh.¹⁴¹ Sebagai seorang yang gemar membaca dan berminat dalam persoalan reformasi umat Islam beliau telah membeli apa sahaja kitab atau majalah yang menyiarkan pemikiran ketiga-tiga tokoh tersebut. Selain itu, kuliah-kuliah yang diikutinya di al-Azhar juga turut menyemarakkan semangat beliau untuk berjuang bagi melaksanakan pembaharuan dalam kalangan umat Islam Melayu.¹⁴² Dengan kata lain Kaherah khususnya Universiti al-Azhar telah menjadi gelanggang yang membentuk karakter dan kepribadian Syeikh Tahir.¹⁴³

Syeikh Tahir sejak usia mudanya sampai tua terkenal salah seorang tokoh ulama yang membawa pembaharuan dalam kehidupan dan pergerakan Islam. Keturunan beliau yang berlatar belakangkan ulama serta suasana keilmuan yang wujud di sekeliling beliau sebenarnya telah memberikan sumbangan dan pengaruh besar dalam membentuk dan mencorakkan keilmuan, pemikiran serta paradigma Syeikh Tahir.¹⁴⁴ Dengan meneliti latar belakang keturunan beliau kita dapat memahami kebijaksanaan dan tindakan yang dilakukan oleh Syeikh Tahir dalam melaksanakan idea-idea pembaharuan¹⁴⁵ dan mencorakan pemikiran hukum dan perkembangan ilmu di Tanah Melayu pada ketika itu.

¹⁴¹ Peter G. Riddel, *Islam and The Malay-Indonesian World: Transmission and Responses* (Singapura: Horizon Books Pte Ltd, 2001), 213.

¹⁴² Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 35-37.

¹⁴³ Sohaimi Abdul Aziz, "Syeikh Tahir Jalaluddin," 105.

¹⁴⁴ Bachtiar Djamily, "Riwayat Hidup," 74.

¹⁴⁵ *Ibid.*

2.3.3 SUASANA POLITIK

Sejak awal abad ke 20 lagi orang-orang Melayu telah menunjukkan minat terhadap pergolakan politik yang berlaku di Mesir dan perkembangan tentangnya dilaporkan oleh akhbar-akhbar Melayu. Walaupun berita tentang gerakan kebangsaan rakyat Mesir hanya mendapat liputan di Tanah Melayu pada abad ke-20 berikutan peranan yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Melayu namun kesedaran yang bersumber dari negara tersebut telah menular sejak beberapa dekad sebelumnya. Perkembangan kesedaran ini mempunyai kaitan yang erat dengan gerakan islah yang juga diperjuangkan oleh dua tokoh yang terkemuka Muhammad Abduh (1849-1905 M) dan Rasyid Ridhā (1865-1935 M) melalui pemikiran yang menyeru supaya umat Islam melakukan pembaharuan dalaman bagi memperbaiki kelemahan yang wujud di dalam masyarakat Melayu. Kesenambungan pengaruh ini ke Tanah Melayu dimainkan oleh mereka yang pernah mendapat pendidikan di Mesir atau terdedah kepada perkembangan yang berlaku disana.¹⁴⁶

Dalam konteks politik, Syeikh Tahir berada dalam suasana politik Melayu moden peringkat pertama iaitu peringkat agama pada tempoh tahun 1906-1926 M. Keadaan ini merupakan suatu sistem politik kepada orang-orang Melayu yang turut menggerakkan orang Melayu dalam kancah politik. Ia merupakan peringkat kesedaran bagi orang-orang Melayu dan mereka mula merenung kembali ajaran agama dan

¹⁴⁶ Mohammad Redzuan Othman, "*Islam dan Masyarakat*,"111.

amalannya.¹⁴⁷ Mereka membandingkan ajaran-ajaran lama dengan perkembangan baru dalam Islam. Mereka mendapati kurangnya kesatuan dalam memajukan agama. Oleh itu mereka mencari jalan untuk mendapatkan semangat baru dan kehormatannya. Perkembangan politik moden Malaya mendapati pada peringkat awal terdapat dua kumpulan yang berkonflik dalam mendominasi keadaan politik awal Malaya. Kumpulan pertama yang menolak nilai-nilai dan amalan pro-barat. Sebaliknya kumpulan kedua bersedia untuk menyaingi Barat melalui penerapan dan bekerjasama dengan barat untuk diserapkan teknik-teknik pemikirannya ke dalam kebudayaan tempatan.¹⁴⁸

Dua kumpulan politik yang berbeza muncul, iaitu pemikiran konservatif terdiri dari Kaum Tua dan pemikiran pembaharuan atau modenis yang terdiri daripada Kaum Muda¹⁴⁹ telah membentuk satu pemikiran progresif sejak awal abad ke 20. Pemikiran Kaum Muda disebarkan melalui media intelek sebagai print nationalism.¹⁵⁰ Dalam lapangan politik meskipun peranan Syeikh Tahir tidak begitu menonjol namun beliau tetap memberikan sumbangan. Beliau banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada pejuang Islam yang memasuki medan politik. Beliau telah dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin parti Islam yang pertama iaitu Hizb al-Muslimin seperti Ustaz Abū Bakar al-Baqir dan Dr. Burhanuddin al-Helmi.¹⁵¹ Berdasarkan huraian di atas, ternyata suasana pada zaman Syeikh Tahir Jalaluddin meliputi aspek kemasyarakatan, keilmuan dan politik telah mempengaruhi keperibadian dan pemikirannya dalam membentuk

¹⁴⁷ Hashim Ismail, Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia, dalam *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara* ed. Hamzah Hamdani (Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn Bhd, 2005), 53.

¹⁴⁸ *Ibid.*

¹⁴⁹ *Ibid.*, 55.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 11.

¹⁵¹ Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran," 43.

karakter beliau menjadi seorang tokoh ilmuwan dan pemikir yang terkenal dan disegani pada zamannya.

2.4 KARYA-KARYA SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN

Sekiranya diteliti karya-karya peninggalan Syeikh Tahir serta mengikuti perkembangan penglibatan beliau, sudah tentu kita akan mengakui peranan yang sangat besar dimainkan oleh Syeikh Tahir di dalam bidang penulisan, yang mana hasilan karya-karya penulisan ini dapat menanamkan nilai-nilai keislaman di tengah-tengah masyarakat,¹⁵² beliau merupakan seorang penulis yang prolific¹⁵³ serta banyak menghasilkan karya penulisan.¹⁵⁴ Beliau telah menghasilkan sekurang-kurang 16 buah kitab dalam Bahasa Melayu seperti '*Ithāf al-Mūrīd fī Ahkām al-Tajwīd*,¹⁵⁵ *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma*,¹⁵⁶ *Irshād al-Kha'id Li 'Ilm al-Farā'id*,¹⁵⁷ *Perisai Orang-Orang Beriman Pengisai Mazhab Orang Qadiāni*¹⁵⁸ dan karya Bahasa Arab seperti *Uṣūl al-Falāh bi al-Ma'rifat Wājibāt al-Nikāh*,¹⁵⁹ *Ta'yīd Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fī al-Rad Alā al-Qā'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-*

¹⁵² Shafie Abu Bakar, Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajian Pondok, dalam *Budi Kencana* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994), 93.

¹⁵³ Mohamad Amin Abu Bakar et al., *Sumbangan Syeikh Tahir*, 273.

¹⁵⁴ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 78.

¹⁵⁵ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Ithaf al-Murid fi Ahkam al-Tajwid* No Ruj: 2006/0036871 (1957), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁵⁶ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma*, No Ruj: 2006/0036841 (1938), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁵⁷ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Irshad al-Kha'id li 'Ilm al-Fara'id* No Ruj: 2006/0036106 (1929), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁵⁸ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Perisai Orang-Orang Beriman Pengisai Mazhab Orang Qadiani* No Ruj: 2006/0036838 (1930), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁵⁹ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Uṣūl al-Falāh bi al-Ma'rifat Wājibāt al-Nikāh*, No Ruj: 2006/0036130 (t.th), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Jum'ah,¹⁶⁰ *Nukhbat al-Taqrīrāt fi Ḥisāb al-'Awqāt Wa Samat al-Qiblah bil Lughārītmāt*¹⁶¹ serta ratusan artikel dalam pelbagai bidang seperti agama merangkumi fiqh, falak, tajwid, faraid, ibadah dan aqidah, pendidikan, politik dan islah, bahasa, sastera Islam, dan sejarah.¹⁶² Penghasilan karya dalam pelbagai disiplin ilmu ini menggambarkan dinamisme kearifan tempatan (*local genius*) dalam mencorakkan budaya ilmu di Nusantara.¹⁶³ Namanya sebagai penulis sangat dikenali semenjak ia menjadi pengarang majalah *al-Imam* yang diterbitkan di Singapura pada 1 Jamadil Akhir 1324 H / 23 Julai 1906 M. Beliau juga menulis beberapa buah buku yang mana sebahagiannya telah diterbitkan dan sebahagiannya masih berbentuk manuskrip.¹⁶⁴

2.5 KEMATIAN

Sepanjang perjalanan hidupnya Syeikh Tahir telah berusaha unuk menyebarkan idea-idea islah dan tajdid dalam kalangan umat Islam sama ada di Tanah Melayu atau di Nusantara.¹⁶⁵ Di akhir hayatnya, setelah beberapa lama merantau ke beberapa tempat di Nusantara dan kembali menetap di Kuala Kangsar, Perak. Di sanalah beliau menjalankan aktiviti penulisan beliau hingga ke akhir hayat. Sebelum meninggal dunia beliau banyak menghasilkan karya-karya, buku-buku dan tulisan-tulisan yang

¹⁶⁰ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Ta'yīd Tadhkirat Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Alā al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁶¹ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Nukhbat al-Taqrīrāt fi Ḥisāb al-'Awqāt Wa Samat al-Qiblah bil Lughārītmāt*, No Ruj: 2006/0035983 (1937), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁶² Mohamad Amin Abu Bakar et al., "*Sumbangan Syeikh Tahir*," 273.

¹⁶³ Mohd Anuar Ramli, "Pemikiran Mesra Gender dalam Karya Fiqh Ulama Melayu Klasik," *Jurnal Syariah*, jil. 18, bil. 2, (2010), 280.

¹⁶⁴ Mafri Amir, "Reformasi Islam," 100-113; Nik Mohd Rosdi, "*Syeikh Muhammad Tahir*," 99.

¹⁶⁵ Hashim Ismail, "*Kaum Muda*," 61.

berguna.¹⁶⁶ Syeikh Tahir meninggal dunia di Kuala Kangsar, Perak pada 26 Oktober 1956 ketika berusia 87 tahun.¹⁶⁷ Beliau meninggal selepas menunaikan sembahyang subuh,¹⁶⁸ jasad beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Baru, Kuala Kangsar Perak.¹⁶⁹ Banyak sumbangan yang telah beliau curahkan untuk perkembangan ilmu dan murid-murid yang sempat menuntut ilmu dengan beliau kemudiannya turut menjadi ulama-ulama.¹⁷⁰ Jelas kegigihan dan ketrampilan beliau dalam bidang ilmu yang diminatinya terus dimanifestasikan walaupun pada sisa usia yang begitu lanjut. Zamannya telah berlalu tetapi idea agamanya masih terus terasa kehangatannya.¹⁷¹

2.6 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dihuraikan, penulisan ini diketengahkan sebagai perbincangan tentang biografi Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Beliau merupakan seorang tokoh ulama dan intelektual Melayu Islam yang perlu dicontohi di dalam pelbagai bidang keilmuan. Ini dapat dilihat beliau dilahirkan dan membesar dalam kalangan keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan sebagai panduan kehidupan. Ketokohan dan sumbangan beliau terhadap pembaharuan tajdid dan islah di Tanah Melayu tidak dapat dinafikan sebagai guru dan ulama, membawa perubahan dalam amalan beragama kepada masyarakat, pendidikan dan politik. Keperibadian, pemikiran dan paradigma serta sumbangan Syeikh Tahir dalam pelbagai bidang ilmu dan dakwah terus dikaji dan

¹⁶⁶ Ismail Ibrahim et al., "*Syekh Tahir Jalaluddin*," 20.

¹⁶⁷ Akhria Nazwar, *Syekh Ahmad Khatib: Ilmuan Islam di Permulaan Abad Ini* (Jakarta: Panjimas, 1983), 20. Mohd Sarim Mustajab, "*Sheikh Tahir Jalaludin*," 26.

¹⁶⁸ Ismail Ibrahim et al., *Syekh Tahir Jalaluddin*," 20.

¹⁶⁹ Hashim Ismail, "*Kaum Muda*," 65.

¹⁷⁰ Mohammad Ilyas, "*Syeikh Tahir Jalaludin*," 67.

¹⁷¹ Mohd Sarim Mustajab, "*Sheikh Tahir Jalaludin*," 26.

dibincangkan sehingga ke hari ini. Banyak kajian-kajian akademik dan penulisan ilmiah di universiti tempatan mahupun luaran seperti di Indonesia yang membincangkan ketokohan dan peranan Syeikh Tahir di alam Melayu. Penulisan, artikel dan karya-karya beliau menjadi rujukan dan kajian bagi pelajar dan pengkaji kerana ianya warisan fiqh yang berharga perlu dikaji bagi mengenal pasti pola dan corak beliau berfikir pada ketika itu. Hal ini dapat dilihat dari biodata, aktiviti kajian dan pengiktirafan ahli-ahli akademik terhadap karya-karya beliau. Kehebatan ilmunya diiktiraf dan dihormati, sumbangannya terhadap agama dan umat ini amat dihargai.